

KSU II KPM Saran IPTA Aplikasi Kaedah Binaan Kolej Kediaman UniMAP

Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang menyarankan agar semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengaplikasikan kaedah pembinaan kolej kediaman yang digunakan oleh UniMAP di Kampus UniCITI. Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat pembangunan kampus UniMAP di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra yang disampaikan oleh Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

Beliau yang dalam rangka lawatan kerja ke projek pembangunan KPM berkata, selain membangunkan sesuatu kawasan, pembangunan bandar baru Uniciti Alam yang berkonsepkan *central boulevard* dengan menggunakan kaedah *Industrialize Building Systems (IBS)*, adalah kaedah terbaik membantu mengatasi masalah kekurangan kolej kediaman yang sememangnya menjadi kekangan buat kebanyakan IPTA di Negara ini. Dato' Seri Ir. Dr. Dr Zaini turut berpuas hati dengan projek pembangunan di UniMAP sama ada yang telah siap atau dalam proses pembinaan.

